

Maklumat Tambahan bagi jawapan (a)

- i. Jadual 1: Bilangan Penduduk Bekerja mengikut Taraf Kewarganegaraan, Malaysia dan Selangor, 2021 – 2023 & ST2 2023, ST1 2024 & ST2 2024
- ii. Konsep Asas Statistik Tenaga Buruh

MAKLUMAT TAMBAHAN

- i. Jadual 1: Bilangan Penduduk Bekerja mengikut Taraf Kewarganegaraan, Malaysia dan Selangor, 2021 – 2023 & ST2 2023, ST1 2024 & ST2 2024

Statistik	Penduduk Bekerja ('000)					
	2021	2022	2023	ST2 2023	ST1 2024	ST2 2024
Malaysia	14,825.2	15,155.2	15,813.4	16,445.5	16,710.8	16,862.2
Warganegara	13,139.5	13,494.5	13,809.3	14,247.9	14,468.29	14,492.25
Bukan Warganegara	1,685.7	1,660.8	2,004.0	2,197.5	2,242.48	2,369.97
Selangor	3,641.0	3,706.5	3,858.9	3,812.4	3,855.3	3,914.7
Warganegara	3,363.4	3,422.5	3,498.7	3,340.2	3,383.5	3,368.2
Bukan Warganegara	277.6	284.0	360.2	472.2	471.8	546.5

Sumber: Survei Tenaga Buruh, DOSM

- ii. Konsep Asas Statistik Tenaga Buruh
 - a. Statistik tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB) yang merangkumi penduduk yang aktif dan tidak aktif dalam ekonomi, berumur 15 hingga 64 tahun. STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor *International Labour Organization* (ILO) dengan merujuk kepada *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*. STB menggunakan reka bentuk pensampelan berstrata dua peringkat yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah bagi menyediakan statistik tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran di peringkat nasional dan negeri serta kawasan bandar dan luar bandar.

- b. **Penduduk Bekerja** merujuk kepada Penduduk yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji). Mereka juga dianggap bekerja jika tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja dan tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.
- c. **Penganggur** merujuk kepada mereka yang berada dalam tenaga buruh yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi bersedia untuk bekerja atau mencari kerja dalam minggu rujukan.
- d. **Kadar pengangguran** ialah perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk dalam tenaga buruh.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor